

SOALAN NO. 174**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) siapakah penyelaras kawasan Parlimen Kelana Jaya; dan
- (b) jumlah dan butiran agihan Peruntukan Khas Persekutuan bagi kawasan Parlimen Kelana Jaya untuk tahun 2015 dan 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Khas Persekutuan yang diluluskan bagi setiap kawasan parlimen Negeri Selangor diurus dan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor berdasarkan garis panduan dan peraturan yang berkaitan.

Jumlah Peruntukan Khas Persekutuan bagi kawasan Parlimen Kelana Jaya bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:

- (1) 2015 - RM11.21 juta untuk 82 projek/program; dan
- (2) 2016 - RM1.69 juta untuk 45 projek/program.

Peruntukan ini diagihkan selepas pertimbangan sewajarnya dibuat berdasarkan kepada keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Agihan meliputi pelbagai kategori termasuk sumbangan bagi aktiviti/program, bantuan kebajikan dan kecemasan, pembekalan peralatan dan kelengkapan dan projek-projek kecil.

Sekian, terima kasih.